

8

Harga, Guna Tenaga dan Upah

Harga

Indeks Harga Pengguna (IHP) terus stabil dalam tahun 1995. Kestabilan harga tersebut dapat dicapai walaupun ekonomi mengalami pertumbuhan pesat berterusan sejak lapan tahun lalu dan pendapatan yang kukuh daripada sektor komoditi yang menyebabkan permintaan agregat yang tinggi dan kekangan bekalan di samping ekonomi mendekati tahap keupayaan maksima. Selain daripada itu, pasaran buruh yang ketat juga telah meningkatkan lagi tekanan ke atas upah. Semua ini telah memungkinkan tekanan inflasi ke atas paras harga umum. Berdasarkan perkembangan ini, Kerajaan terus mengambil langkah tegas membendung inflasi menerusi dasar kewangan dan fiskal yang ketat dan berhemat selain daripada memperhebatkan langkah-langkah pentadbiran dan penguatkuasaan bagi membendung kenaikan harga. Di samping itu, inflasi antarabangsa yang rendah juga telah mendorong kepada penurunan tekanan harga dalam negeri menerusi harga import yang rendah. Import yang tinggi juga membantu mengurangkan kekangan bekalan dalam negeri.

Mengambarkan kejayaan langkah-langkah tersebut, IHP dianggarkan meningkat sebanyak 3.5% dalam tahun 1995, iaitu lebih rendah berbanding dengan 3.7% yang dicatatkan pada tahun 1994. Bagi tempoh sembilan bulan pertama, inflasi berasaskan kepada IHP meningkat 3.4% berbanding dengan 3.7% pada tempoh yang sama tahun 1994. Kenaikan IHP yang tinggi iaitu sebanyak 3.7% dalam suku kedua tahun 1995 disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga dua komponen utama IHP iaitu makanan serta sewa kasar, bahan api dan kuasa. Berasaskan kawasan, arah aliran harga di Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak menunjukkan peningkatan lebih perlahan di Sabah dan Sarawak selepas mengalami kenaikan tinggi yang dicatatkan dalam tempoh

yang sama tahun lepas. IHP bagi Semenanjung Malaysia meningkat sebanyak 3.6% (Januari-September 1994: 3.7%), manakala indeks bagi Sarawak meningkat dengan perlahan iaitu 2.3% (Januari-September 1994: 4.6%) dan bagi Sabah ialah 2.7% (Januari-September 1994: 3.5%) seperti ditunjukkan di Jadual 8.1.

Langkah-langkah kewangan yang ketat adalah ditumpukan terutamanya ke atas pengurangan lebihan penawaran wang, antaranya termasuk operasi pasaran terbuka tradisi dan pelbagai rezab dan keperluan kecairan serta memperkenalkan instrumen kewangan jangka pendek (Bil Perbendaharaan). Sungguhpun pengembangan kredit bagi tujuan penggunaan tidak digalakkan, tetapi bagi kegunaan yang bersifat produktif seperti perkilangan, pembinaan dan perdagangan adalah digalakkan. Sementara itu, langkah-langkah fiskal merupakan instrumen penting untuk membendung inflasi. Langkah fiskal berhemat yang tegas dan terkawal serta menumpukan pelaburan awam kepada projek-projek keutamaan yang sangat diperlukan bagi mengurangkan kekangan infrastruktur telah menyumbang kepada pengurangan permintaan agregat dan kos dalam jangka panjang. Pelbagai langkah juga diambil untuk menggalakkan pengeluaran makanan tempatan dan item-item yang berkaitan dengan makanan serta melonggarkan tarif ke atas kebanyakan barangan import. Pengurangan dan penghapusan duti import ke atas lebih daripada 1,000 item dalam dua Belanjawan sebelum ini dan tambahan sebanyak 2,600 item lagi dalam Belanjawan 1995 adalah sebahagian daripada langkah-langkah untuk mengurangkan harga barangan yang diimport serta untuk menggalakkan persaingan yang lebih di kalangan pengeluar-pengeluar tempatan. Langkah ini telah menghasilkan kesan positif dalam menurunkan harga. Kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal

Jadual 8.1**Indeks Harga Pengguna (1994=100)
Malaysia**

	Wajaran ¹	Perubahan tahunan (%) (Januari-September)		
		1994	1994	1995
	100.0	3.7	3.7	3.4
Makanan	34.9	5.3	5.5	4.8
Minuman dan tembakau	3.6	5.0	4.9	2.3
Pakaian dan kasut	3.6	-0.7	-0.7	0.1
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	21.1	2.4	2.3	3.5
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah tangga	5.6	1.7	1.8	2.4
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.9	3.3	3.4	3.2
Pengangkutan dan perhubungan	17.9	4.6	4.7	1.7
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan	5.8	0.7	0.7	2.4
Pelbagai barang dan perkhidmatan	5.6	2.4	2.7	4.8
Semenanjung Malaysia	100.0	3.7	3.7	3.6
Sabah	100.0	3.3	3.5	2.7
Sarawak	100.0	4.3	4.6	2.3

¹ Wajaran yang digunakan adalah berdasarkan wajaran mutakhir daripada Kajian Perbelanjaan Isi Rumah 1993/94.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Pengguna menunjukkan bahawa harga item-item tersebut telah berkurangan dengan berpatutan. Walau bagaimanapun, tindakan pengguna yang efektif dapat membantu perkara ini kerana kebiasaannya pengalaman di Malaysia menunjukkan harga begitu sukar untuk diturunkan.

Langkah-langkah khusus telah diambil bagi mengatasi masalah peningkatan harga bahan

makanan yang merupakan penyumbang utama kepada kenaikan keseluruhan IHP. Sungguhpun bekalan beberapa bahan makanan telah meningkat, tetapi peningkatan tersebut belum berupaya untuk menampung pertambahan permintaan berikutan pertambahan bilangan dan kemampuan penduduk. Penggunaan per kapita barang-barang makanan telah meningkat mengikut edaran masa apabila pendapatan per kapita meningkat. Sebagai contoh, penggunaan per kapita sayur-sayuran meningkat daripada 22 kg pada tahun 1982 kepada 47 kg pada tahun 1994, manakala penggunaan buah-buahan per kapita meningkat daripada 19 kg pada tahun 1985 kepada 30 kg pada tahun 1994. Dalam tempoh 1992 hingga 1994, penggunaan per kapita daging meningkat daripada 3.8 kg kepada 4.3 kg manakala penggunaan per kapita ikan meningkat daripada 39 kg kepada 44 kg. Di samping peningkatan penggunaan, eksport barang-barang makanan juga meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Umpamanya, ikan yang dieksport meningkat sebanyak 12% setahun, manakala buah-buahan dan sayur-sayuran meningkat 17% setahun dalam tempoh 1988 hingga 1992.

Sehubungan dengan masalah di atas, pelbagai langkah telah diambil bagi meningkatkan bekalan makanan dengan menyediakan beberapa kemudahan asas seperti kemudahan mendapatkan tanah yang boleh diusahakan serta pembiayaan bagi menarik lebih ramai pengusaha dalam bidang pengeluaran makanan. Dalam hubungan ini Kerajaan-kerajaan Negeri digalakkan untuk menyediakan tanah yang sesuai untuk pengeluaran makanan khususnya dilaksanakan secara usaha sama dengan pengusaha-pengusaha swasta. Berhubung dengan pembiayaan, tabung khas yang dikenali sebagai 'Tabung Makanan' yang berjumlah RM600 juta telah ditubuhkan bagi menyediakan kemudahan pinjaman yang murah bagi pengeluaran makanan. Sehingga 31 Julai 1995, sebanyak RM73.12 juta telah diluluskan untuk membiayai penanaman, pengeluaran dan pengedaran makanan. Daripada jumlah ini 45% telah disalurkan untuk pengeluaran ternakan, 21% untuk buah-buahan dan sayur-sayuran dan 14% untuk pemprosesan makanan. Syarat-syarat serta kelayakan untuk memohon daripada tabung ini juga telah diperbaiki bagi menggalakkan penggunaan tabung tersebut, khususnya golongan petani kecil. Beberapa kriteria pinjaman tabung ini telah dilonggarkan termasuklah pengurangan kadar faedah daripada 7.75% kepada 4% setahun, perlanjutan tempoh bayaran balik

daripada lima kepada lapan tahun, pengurangan kos projek minimum yang layak bagi tabung ini daripada RM50,000 kepada RM10,000, dan memperuntukkan perlindungan jaminan sehingga maksimum RM1.5 juta oleh Syarikat Jaminan Kredit (SJK).

Langkah-langkah pentadbiran telah dilaksanakan khususnya dalam menghadapi kenaikan berlebihan harga barangan keperluan. Dalam keadaan di mana kemungkinan pengambilan untung berlebihan seperti menerusi manipulasi pasaran, jentera penguatkuasa Kerajaan berusaha membendung amalan yang tidak beretika ini dengan meningkatkan pengawasan ke atas perjalanan pasaran. Di bawah Akta Kawalan Harga 1946, harga beberapa item tertentu telah dikawal manakala Peraturan Kawalan Bekalan 1961 mengawal bekalan item-item terpilih. Contohnya, berikutan kenaikan luar biasa harga ayam di musim perayaan awal tahun ini, ayam telah diletakkan di bawah senarai item kawalan bekalan. Di samping itu, Kerajaan sentiasa berhati-hati mengenai kawalan harga dan ianya hanya meliputi item-item keperluan asas sahaja seperti beras, susu, gula dan petrol. Pada masa ini, kawalan harga melibatkan hanya beberapa item iaitu kurang daripada 10% daripada kumpulan barangan di dalam IHP manakala kawalan bekalan melibatkan 11% daripada kumpulan barangan di dalam IHP. Dengan jangkaan bahawa keadaan kenaikan harga yang serupa di musim perayaan akan datang iaitu awal tahun depan, sebanyak 25 item tambahan telah diumumkan diletakkan di bawah senarai kawalan bekalan.


Langkah-langkah pentadbiran yang telah diambil oleh Kerajaan bukan sahaja dari segi pengawalan harga, tetapi juga pelbagai langkah sokongan untuk memastikan pengguna diberi maklumat menerusi penyebaran maklumat harga dan bantuan kepada persatuan pengguna. **Pusat Penerangan Harga** telah ditubuhkan di semua ibu negeri untuk mengumpul dan menyebarkan harga pengguna bagi kira-kira 25 item secara harian dan 95 item secara mingguan. Harga runcit juga disebarkan menerusi media massa secara mingguan untuk membantu pengguna membuat perbandingan harga. Satu Jawatankuasa Bersama Sistem Amaran Awal juga telah ditubuhkan untuk mengawal arah aliran harga serta untuk mengenal pasti faktor-faktor dalaman dan luaran yang menyebabkan kekurangan barangan keperluan. Ini akan membolehkan Kerajaan mengambil

langkah awal untuk memastikan bekalan yang mencukupi serta stabil supaya dapat menghindarkan kenaikan harga yang tinggi dan mendadak berikutan kekurangan tersebut. Kerajaan juga menggalakkan pemborong dan peruncit mengamalkan 'harga patut' dan sehingga kini sebanyak 619 buah kedai telah dianugerahkan sebagai Kedai Harga Patut, iaitu termasuk pasaraya, pasar mini dan kedai runcit.

Kempen inflasi sifar ke seluruh negara telah dilancarkan pada 2 Jun 1995. Ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan untuk mengawal inflasi pada paras yang rendah. Inflasi sifar bukanlah bertujuan untuk dilaksanakan ke atas semua item yang terkandung dalam kumpulan barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam pengiraan IHP keseluruhan pada masa ini. Ianya menekankan hanya ke atas barangan dan perkhidmatan asas, yang mana harganya boleh menjejaskan kuasa beli golongan berpendapatan rendah. Kempen ini bertujuan untuk mendidik dan menimbulkan kesedaran pengguna tentang hak-hak mereka dan bagi menanamkan etika bertanggungjawab dalam perniagaan di kalangan masyarakat perdagangan di Malaysia. Kempen ini termasuklah publisiti mengenai akibat inflasi dan peranan yang boleh dimainkan oleh pengguna dan peniaga dalam mengawal inflasi. Kempen juga termasuklah 'Hari Inflasi Sifar' iaitu pada setiap hari Sabtu pertama setiap bulan, bermula 1 Julai 1995 di mana peniaga dan kedai harga patut yang terlibat menawarkan potongan atau harga yang rendah ke atas beberapa barangan keperluan. Kerajaan telah mencadangkan untuk memperkenalkan undang-undang Perlindungan Pengguna dan Persaingan bagi mengawal amalan pasaran yang adil, supaya ianya dapat mengurangkan keperluan penglibatan langsung Kerajaan dalam menentukan harga.

Untuk memberi gambaran yang lebih tepat mengenai corak penggunaan purata isi rumah di Malaysia, Jabatan Perangkaan telah menggunakan wajaran baru IHP berasaskan corak perbelanjaan yang diperolehi daripada kajian Perbelanjaan Isi Rumah 1993/94. Oleh yang demikian, mulai 1 Januari 1995, IHP menggunakan tahun 1994 sebagai tahun asas bagi menggantikan tahun 1990 yang digunakan sebelum ini. Kajian tersebut menunjukkan bahawa tabiat berbelanja pengguna tidak mengalami perubahan yang ketara antara tahun 1990 dan tahun 1994. Walau bagaimanapun, kepentingan makanan secara berbanding

Carta 8.1
Indeks Harga Pengguna (1994 = 100)
(Perubahan tahunan)



meningkat 1.2 mata peratusan disebabkan terutamanya oleh wajaran yang lebih tinggi bagi makanan yang dimakan di luar rumah. Lain-lain barangan yang diberi wajaran tinggi dalam kumpulan barangan pengguna yang baru termasuk sewa kasar, bahan api dan kuasa; perkhidmatan rekreasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan serta perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan yang masing-masing mempunyai peningkatan sebanyak 0.9%, 0.6% dan 0.1%. Sebaliknya, wajaran yang lebih rendah didapati ketara bagi kumpulan kecil yang lain termasuk pelbagai barang dan perkhidmatan yang berkurangan sebanyak 0.8 mata peratusan; minuman dan tembakau sebanyak 0.7 mata peratusan; pengangkutan dan perhubungan sebanyak 0.7 mata peratusan; pakaian dan kasut sebanyak 0.4 mata peratusan; manakala perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah tangga sebanyak 0.2 mata peratusan.

IHP dengan menggunakan tahun asas yang baru ini, bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun 1995 telah meningkat sebanyak 3.4% di

sebabkan terutamanya oleh peningkatan yang ketara indeks makanan; pengangkutan dan perhubungan serta sewa kasar, bahan api dan kuasa. Kumpulan barangan dan perkhidmatan tersebut menyumbang kira-kira 80.2% kepada peningkatan IHP secara keseluruhan berbanding dengan 84.7% pada tempoh yang sama tahun 1994. **Indeks kecil makanan** merupakan lebih separuh daripada IHP meningkat sebanyak 4.8% (Januari-September 1994: 5.5%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan yang ketara bagi ikan (11.9%) buah-buahan dan sayuran (8.6%) serta minyak dan lemak (13.3%) seperti ditunjukkan di Jadual 8.2. Kenaikan harga tersebut disebabkan terutamanya oleh kekangan bekalan, ketegaran struktur pasaran serta halangan infrastruktur.

Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1995, indeks kecil **pengangkutan dan perhubungan** meningkat sebanyak 1.7%. Kenaikan ini adalah lebih rendah daripada kenaikan ketara sebanyak 4.7% dalam tempoh yang sama tahun 1994, disebabkan terutamanya oleh pengurangan import dan cukai eksais ke atas tayar serta pengurangan sebanyak tiga sen harga runcit petrol tanpa plumbum yang berkuatkuasa sejak 1 Januari 1994. Indeks kecil **sewa kasar, bahan api dan kuasa** terus meningkat dengan kadar 3.5% (Januari-September 1994: 2.3%) disebabkan terutamanya peningkatan kadar sewa sebanyak 3.5% ekoran permintaan yang kukuh terhadap unit-unit kediaman dan pasaran hartanah yang baik.

Indeks kecil **pakaian dan kasut** mencatat peningkatan yang kecil sebanyak 0.1% (Januari-September 1994: -0.7%) disebabkan terutamanya kemerosotan paras harga pakaian dan kasut, berikutan penurunan cukai import beberapa jenama barangan tersebut seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 1995. Indeks kecil **minuman dan tembakau** terus meningkat pada kadar 2.3% walau pun jauh lebih rendah berbanding dengan peningkatan sebanyak 4.9% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1994.

Harga bagi **barang tahan lama** meningkat lebih perlahan sebanyak 1.5% (Januari-September 1994: 6.8%) berikutan terutamanya kenaikan rendah harga bagi kenderaan bermotor persendirian. Begitu juga, harga **barang tidak tahan lama** meningkat sebanyak 4.0% (Januari-September 1994: 4.4%) menunjukkan kenaikan ketara bagi

Jadual 8.2

Malaysia: Indeks Harga Pengguna bagi Makanan (1994=100)

	Wajaran ¹	Perubahan tahunan (%) (Januari-September)		
		1994	1994	1995
Jumlah Makanan	34.9	5.3	5.5	4.8
Makanan di rumah	25.1	5.9	6.1	5.2
Beras, roti dan bijirin lain	5.5	0.5	0.5	1.0
Daging	3.8	7.9	7.9	1.4
Ikan	4.9	13.2	13.4	11.9
Susu dan telur	2.3	1.0	1.2	-0.9
Minyak dan lemak	0.7	2.5	0.9	13.3
Buah-buahan dan sayur-sayuran	5.4	7.3	8.8	8.6
Gula	0.6	0.1	0.1	0.5
Kopi dan teh	0.8	2.1	1.5	5.1
Makanan-makanan lain	1.1	-2.3	-2.8	2.1
Makanan di luar rumah	9.8	2.8	2.8	3.8

¹ Wajaran yang digunakan adalah berdasarkan wajaran mutakhir daripada kajian Perbelanjaan Isi Rumah 1993/94.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Jadual 8.3

Indeks Harga Pengeluar (1978=100)

	Wajaran	Perubahan Tahunan (%) (Januari-Ogos)		
		1994	1994	1995
Ekonomi Tempatan	100.0	4.9	3.7	6.6
Makanan dan binatang hidup untuk dimakan	16.8	6.1	7.2	4.0
Minuman dan tembakau	2.7	4.9	5.6	1.7
Bahan mentah tidak boleh dimakan kecuali bahan api	20.7	12.7	7.6	22.5
Minyak galian, pelincir dan bahan berkaitan	11.3	-3.7	-3.7	-4.2
Minyak dan lemak binatang dan sayuran-sayuran	5.9	26.2	15.2	31.9
Kimia dan keluaran kimia	4.4	1.8	1.3	3.8
Barang perkilangan dijeniskan terutama mengikut bahan	14.9	0.9	1.1	1.9
Alat jentera dan kelengkapan pengangkutan	17.8	0.6	0.3	0.8
Pelbagai barang keluaran kilang	4.1	3.1	2.9	2.9
Pelbagai barangan dan perniagaan	1.4	0.3	-0.5	0.6
Pengeluaran Tempatan	71.8	6.7	5.1	9.2
Import	28.2	0.1	0.1	-0.6

Sumber: Jabatan Perangkaan

harga-harga ikan, buah-buahan, sayur-sayuran dan daging. Sebaliknya, indeks kecil **barang separa tahan lama** (termasuk pakaian, linen dan perkakas berkebun) meningkat sebanyak 0.3% (Januari-September 1994: -0.6), sementara indeks kecil **perkhidmatan** meningkat dengan sederhana sebanyak 3.7% berbanding dengan kenaikan sebanyak 2.7% dalam tempoh yang sama tahun 1994.

Indeks Harga Pengeluar (PPI) yang mengukur kadar perubahan purata harga bagi semua barangan yang dikeluarkan oleh pengeluar dan dibayar oleh pengimport meningkat dengan kadar yang tinggi dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995. PPI bagi **ekonomi tempatan** meningkat 6.6% (Januari-Ogos 1994: 3.7%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam harga keluaran pertanian, khususnya getah dan kelapa sawit seperti yang ditunjukkan di Jadual 8.3. Indeks kecil bagi makanan dan binatang hidup meningkat sebanyak 4.0% (Januari-Ogos 1994: 7.2%), terutamanya disebabkan kekangan bekalan bahan-bahan input serta peningkatan kos pengeluaran. Indeks kecil bagi minyak dan lemak


binatang dan sayur-sayuran meningkat dengan lebih tinggi sebanyak 31.9% (Januari-Ogos 1994: 15.2%) disebabkan kenaikan harga minyak kelapa sawit mentah dan diproses ekoran permintaan eksport yang kukuh. Indeks kecil bagi bahan-bahan mentah meningkat sebanyak 22.5% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995 (Januari-Ogos 1994: 7.6%), terutamanya berikutan kenaikan berterusan harga-harga getah asli dan minyak sawit belum proses.

Pada peringkat yang lebih terperinci, PPI bagi **pengeluaran tempatan** meningkat sebanyak 9.2% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1995, berbanding dengan 5.1% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan ketara yang dicatatkan oleh harga minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran (32.2%), bahan mentah (23.3%) dan makanan dan binatang hidup (6.9%). Sebaliknya, indeks kecil bagi minyak galian, minyak pelincir dan bahan-bahan berkaitan merosot sebanyak 1.7%, manakala peningkatan indeks kecil minuman dan tembakau menjadi perlahan sebanyak 2.4% (Januari-Ogos 1994: 6.9%).

PPI bagi **import** merosot sedikit sebanyak 0.6% (Januari-Ogos 1994: +0.1%), berikutan daripada inflasi dunia yang lebih rendah serta pemansuhan dan penurunan duti import ke atas beberapa barangan. Ini menyebabkan kejatuhan berterusan sebanyak 8.9% bagi minyak galian, minyak pelincir dan bahan-bahan berkaitan (Januari-Ogos 1994: 2.6%) serta kejatuhan 0.1% bagi minuman dan tembakau (Januari-Ogos 1994: +2.2%). Kenaikan kecil dicatatkan oleh indeks kecil kimia dan keluaran kimia (1.6%), bahan mentah (4.9%), barang perkilangan (0.9%) dan alat jentera dan kelengkapan pengangkutan (0.2%).

Di samping IHP, terdapat juga kebimbangan terhadap inflasi harta terutamanya tanah. Peningkatan pendapatan boleh guna, kemudahan mendapatkan pinjaman serta banyak peluang-peluang untuk memperolehi modal telah mendorong kenaikan harga hartanah. Di samping itu, pembelian hartanah oleh syarikat serta individu asing juga telah mempengaruhi kenaikan inflasi harta. Kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) menunjukkan bahawa pemilikan asing terhadap unit-unit kondominium, rumah-rumah teres dan banglo telah meningkat dengan ketara sejak kebelakangan ini. Bagi mengatasinya, Kerajaan sedang menyemak semula garis panduan bagi pengambilan asing ke atas hartanah, di antaranya ialah tidak membenarkan pengambilan asing bagi kondominium dan banglo yang berharga kurang daripada RM250,000. Sebagai tambahan, kepentingan asing juga tidak dibenarkan untuk membeli rumah-rumah teres.

Tekanan ke atas harga tanpa kawalan akan terus menjadi cabaran utama dalam pengurusan ekonomi Malaysia. Kerajaan akan terus mengawal arah aliran inflasi menerusi gabungan langkah-langkah kewangan, fiskal dan pentadbiran. Adalah



perlu juga untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan, meningkatkan produktiviti serta menanamkan prinsip bahawa kenaikan upah mestilah berasaskan peningkatan produktiviti. Selain daripada itu, langkah-langkah akan terus diambil untuk menggalakkan kenaikan bekalan serta memperbaiki pengedaran khususnya keluaran makanan. Langkah tersebut perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dan penyertaan golongan peniaga dan pengguna adalah perlu bagi mencapai matlamat inflasi sifar.

Guna Tenaga

Selaras dengan prestasi pertumbuhan ekonomi yang terus kukuh, keadaan pasaran buruh dijangka terus ketat pada tahun 1995. Sejumlah 214,000 peluang pekerjaan baru dijangka diwujudkan berbanding dengan 222,000 pada tahun 1994. Dengan jangkaan guna tenaga akan bertambah pada kadar 2.8% pada tahun 1995 (1994: 3%) berbanding dengan kadar pertumbuhan tenaga buruh yang lebih perlahan iaitu sebanyak 2.7% (1994: 2.9%), kadar pengangguran berkurangan kepada 2.8% (1994: 2.9%). Ini menggambarkan bahawa perkembangan ekonomi telah mencapai

Jadual 8.4

**Perbandingan Pendaftaran Aktif dan
Kekosongan Baru Mengikut Negeri Bagi
Tempoh Januari-Julai 1995
(Malaysia)**

<i>Negeri</i>	<i>Pendaftar Aktif</i>			<i>Kekosongan Baru</i>		
	<i>Julai+ 1994</i>	<i>Julai+ *1995</i>	<i>Perubahan (%)</i>	<i>Jan-Julai 1994</i>	<i>Jan-Julai *1995</i>	<i>Perubahan (%)</i>
Perlis	855	787	-8.0	628	498	-20.7
Kedah	3,452	2,959	-14.3	3,802	4,864	27.9
Pulau Pinang	898	1,488	65.7	3,981	4,909	23.3
Perak	1,902	1,544	-18.8	2,376	3,738	57.3
Selangor	1,975	1,360	-31.1	5,076	4,773	-6.0
Negeri Sembilan	1,488	965	-35.1	3,198	3,489	9.1
Melaka	503	584	16.1	442	351	-20.6
Johor	1,177	1,800	52.9	4,143	3,654	-11.8
Pahang	1,250	1,542	23.4	928	951	2.5
Terengganu	1,711	2,021	18.1	930	892	-4.1
Kelantan	1,624	2,138	31.7	950	932	-1.9
Wilayah Persekutuan	2,167	2,020	-6.8	2,588	2,230	-13.8
Sabah	3,356	4,433	32.1	1,770	1,377	-22.2
Sarawak	1,430	2,035	42.3	1,893	2,151	13.6
Jumlah Malaysia	23,788	25,676	7.9	32,705	34,809	6.4

Sumber: Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia
 Nota: + Angka-angka terkumpul pada penghujung bulan-bulan Julai
 - Angka bagi bulan Julai belum muktamad

tahap guna tenaga penuh. Ketegaran pasaran buruh ini menyebabkan kekurangan tenaga buruh di kebanyakan sektor ekonomi.

Pada akhir bulan Julai 1995, jumlah pencari kerja aktif yang mendaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia mencatatkan peningkatan sebanyak 7.9% iaitu berjumlah 25,676¹ orang pada akhir bulan Julai 1995 berbanding dengan 23,788 orang pada bulan yang sama pada tahun 1994. Peningkatan jumlah pendaftaran baru yang aktif adalah disebabkan oleh kesedaran orang awam mengenai perkhidmatan serta bimbingan kerjaya yang diberikan oleh Jabatan itu melalui sekolah, agensi-agensi di peringkat negeri dan jawatankuasa-jawatankuasa kampung pada awal tahun 1995.

Peningkatan tersebut dicatatkan hampir di semua negeri di mana Pulau Pinang, Johor dan Sarawak mencatatkan kenaikan yang tinggi iaitu masing-masing sebanyak 65.7%, 52.9% dan 42.3%. Walau bagaimanapun Negeri Sembilan, Selangor dan Perak merosot dengan ketara iaitu masing-masing pada kadar 35.1%, 31.1% dan 18.8%. Begitu juga, jumlah kekosongan baru yang dilaporkan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 meningkat sederhana sebanyak 6.4% kepada 34,809 berbanding dengan 32,705 pada tempoh yang sama tahun 1994, di mana peningkatan dicatatkan oleh kebanyakan negeri-negeri yang lebih maju perindustriannya seperti Perak, Kedah dan Pulau Pinang yang mencatat peningkatan masing-masing sebanyak 57.3%, 27.9% dan 23.3%. (Lihat Jadual 8.4).

¹ Angka belum muktamad

Jumlah guna tenaga pada tahun 1995 dianggarkan mencapai 7.8 juta (1994: 7.6 juta) di mana sektor sekunder dan perkhidmatan dijangka terus menjadi penyumbang utama, dengan sumbangan sebanyak 80.6% daripada jumlah guna tenaga dalam tahun 1995 berbanding dengan 79.6% pada tahun 1994. Sebaliknya, sumbangan guna tenaga dalam sektor utama berbanding dengan jumlah guna tenaga dijangka berkurangan kepada 19.4% (1994: 20.4%). (Lihat Jadual 8.5).

Berasaskan sektor, sektor perkilangan dijangka menyumbang sebanyak 25.5% daripada jumlah gunatenaga pada tahun 1995 berbanding 24.6% pada tahun 1994. Sektor perkilangan kekal sebagai majikan utama disebabkan peningkatan dalam eksport dan aktiviti-aktiviti berorientasi pasaran tempatan di samping pertumbuhan yang kukuh dalam pelaburan swasta (lihat carta 8.3). Walau bagaimanapun, anggaran penurunan arah aliran

kadar pertumbuhan guna tenaga menandakan perubahan struktur berlaku secara berperingkat dalam sektor ini yang merupakan peralihan kepada aktiviti-aktiviti peningkatan nilai ditambah yang tinggi dengan penggunaan teknologi moden serta kaedah penjimatan tenaga buruh seperti sistem penomboran dikawal komputer (CNC), reka bentuk dan perkilangan bantuan komputer (CAD-CAM) dan penggunaan robot. Peningkatan penggunaan modal digambarkan melalui peningkatan dalam pelaburan modal dalam kilang dan jentera bagi setiap pekerjaan yang diwujudkan iaitu daripada RM102,776 pada tahun 1993 kepada RM111,947 pada tahun 1994. Ekoran daripada itu, wujudnya permintaan yang tinggi terhadap pekerjaan yang berkemahiran tinggi dengan kemahiran khusus untuk mengendalikan dan menjaga teknologi baru tersebut.

Sektor perkhidmatan dijangka menyumbangkan sebanyak 47% kepada jumlah guna tenaga pada tahun 1995 (1994:47.2%). Penyumbang utama kepada guna tenaga adalah terdiri daripada sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran serta pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan yang masing-masing dijangka menyumbang sebanyak 17.2% dan 4.9% kepada jumlah pekerjaan baru yang diwujudkan dalam tahun 1995. Sebaliknya, sumbangan sektor kecil perkhidmatan Kerajaan dijangka merosot sedikit kepada 11.1% dalam tahun 1995 berbanding dengan 11.4% pada tahun 1994. Ini menggambarkan usaha yang berterusan oleh Kerajaan untuk mengecilkan saiz sektor awam melalui program pengswastaan serta penyusunan semula agensi-agensi Kerajaan.

Sektor pembinaan yang semakin penting digambarkan melalui peningkatan sumbangannya dalam jumlah guna tenaga, iaitu kepada 8.1% dalam tahun 1995 (1994: 7.8%). Sebanyak 41,500 pekerjaan baru telah diwujudkan berikutan peningkatan pelaburan dalam infrastruktur, Projek Pengeluar Tenaga Persendirian dan pembangunan hartanah swasta. Umpamanya, pelaksanaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang serta pembinaan pusat pentadbiran baru di Putrajaya, akan memperluaskan lagi kesan faedah ini.


Sebaliknya, sumbangan sektor pertanian, perhutanan dan perikanan kepada guna tenaga dijangka merosot kepada 18.9% berbanding dengan 19.9% pada tahun 1994. Sumbangan

Jadual 8.5

**Guna Tenaga Mengikut Sektor
(% sumbangan)**

	1994	1995
Pertanian, perhutanan dan perikanan	19.9	18.9
Pelombongan	0.5	0.5
Pekilangan	24.6	25.5
Pembinaan	7.8	8.1
Elektrik, gas dan air	0.8	0.8
Perniagaan, borong dan runcit, hotel dan restoran	17.3	17.2
Perkhidmatan Kewangan, insurans, harta tanah dan perdagangan	4.5	4.6
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	4.8	4.9
Perkhidmatan Kerajaan	11.4	11.1
Perkhidmatan lain	8.4	8.4
JUMLAH	100.0	100.0
Sektor utama	20.4	19.4
Sektor sekunder	32.4	33.6
Sektor perkhidmatan	47.2	47.0
<i>Sumber: Unit Perancang Ekonomi</i>		


Carta 8.3
Petunjuk-petunjuk Guna Tenaga



sektor perlombongan dan kuari kekal sebanyak 0.5%, terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan sektor kecil petroleum dan gas.

Pertumbuhan ekonomi yang mampan menyebabkan peluang-peluang pekerjaan terus diwujudkan, di mana ekonomi berkembang pada tahap guna tenaga penuh. Keadaan ini dicerminkan melalui peningkatan penukaran kerja secara sukarela yang dialami oleh semua sektor dalam ekonomi. Berasaskan Kajian Guna Tenaga Tahunan dalam tahun 1994, yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Rakyat, pertukaran pekerja-pekerja yang ketara berlaku di sektor-sektor pembinaan dan perkilangan. Kumpulan pekerjaan yang terbabit terdiri daripada Jurutera Awam dan Jurukur di sektor pembinaan, Tukang Gergaji, Pembuat Papan Lapis dan Pekerja Pemprosesan Kayu yang Berkaitan dalam industri berasaskan kayu; Pemasang Peralatan Elektrik dan Elektronik, Pembuat Pola dan Operator Mesin Peralatan dalam industri kejuruteraan dan logam. Kekurangan tenaga kerja yang dikenalpasti daripada Kajian ini terdiri daripada kumpulan tidak mahir dan separa mahir dalam sektor perkilangan, pembinaan, perladangan dan perkhidmatan, manakala kekurangan tenaga kerja mahir adalah di sektor perkhidmatan terdiri terutamanya daripada sektor kecil perkapalan dan bank.

Sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah kekurangan penawaran buruh mahir, Penguatkuasaan Tabung Pembangunan Sumber Manusia telah dilanjutkan pada 1 Januari 1995, untuk merangkumi lebih banyak majikan dalam sektor perkilangan dan sembilan industri dalam sektor perkhidmatan termasuk perhotelan, telekomunikasi, pengiklanan dan perkhidmatan komputer. Dengan pindaan itu, majikan dalam sektor perkilangan dengan sekurang-kurangnya 10 orang pekerja tetapi kurang daripada 50 orang pekerja, serta mempunyai modal berbayar sebanyak RM2.5 juta boleh mendapat faedah Akta tersebut. Mereka dikehendaki menyumbang satu peratus daripada gaji bulanan pekerja untuk tempoh enam bulan dan selepas ini layak untuk memohon geran latihan untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka. Pada akhir bulan Julai 1995, sejumlah 4,430 majikan telah mendaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) dan levi berjumlah RM183.5 juta telah dikutip. Daripada jumlah itu, RM91.3 juta telah diperuntukkan untuk program latihan dan 492,109 pekerja telah



1/ Akhir tempoh kecuali 1995, sehingga bulan Jun

2/ % perubahan bagi 1995 adalah berasaskan data bulan Jun

Sumber : KWSP

mendapat manfaat daripada empat skim latihan iaitu Skim Bantuan Latihan (SKL), Skim Program Latihan Yang Diluluskan (Prolus Scheme), Skim Perjanjian Latihan Dengan Penyedia Latihan (Perla Scheme) dan Pelan Latihan Tahunan (PLT Scheme).

Selain daripada empat skim latihan yang sedia ada, MPSM akan menyediakan tiga skim/kemudahan baru, iaitu Skim Latihan Bersama, Skim Latihan Aperantis dan kemudahan Pinjaman Mudah. Pusat latihan kemahiran teknikal dan institut yang ditubuhkan atau didaftarkan di Malaysia dan dimiliki rakyat Malaysia sepenuhnya boleh memohon pinjaman mudah tersebut daripada MPSM untuk meningkatkan kemudahan latihan mereka. Pinjaman ini juga disediakan untuk pusat yang ditadbir oleh persatuan-persatuan majikan dan kumpulan industri dengan kadar faedah sebanyak 2% manakala untuk pusat latihan swasta, kadar faedahnya adalah sebanyak 4%. Skim Latihan Aperantis yang akan dilaksanakan pada akhir tahun ini akan meliputi Industri Besi dan Keluli, Percetakan, Tekstil, Plastik dan Elektronik.

Sebagai satu langkah untuk menambah bilangan gunatenaga separa mahir dan mahir untuk memenuhi keperluan permintaan industri, pembentukan satu Program Bertindak Bersepadu telah diumumkan dalam Belanjawan 1995 yang memberi penekanan kepada perkembangan dan kenaikan taraf keupayaan institut latihan industri yang sedia ada. Sebagai tambahan kepada Institut Latihan Perindustrian (ILP), dua pusat Kemahiran Teknologi Lanjutan dan empat politeknik baru akan dibina. Terdapat rancangan untuk mempercepatkan peningkatan taraf sekolah vokasional yang sedia ada ke taraf kolej teknikal. Kursus-kursus teknologi baru seperti teknologi berkaitan dengan komputer, automasi, perkilangan, teknologi plastik, Reka Bentuk Bantuan Komputer, percetakan termoden dan pengurusan teknologi akan diperkenalkan. Berikutan dengan itu, syarikat Kerajaan seperti Telekom Malaysia Berhad, Petronas dan Tenaga Nasional Berhad juga akan mempertingkatkan keupayaan latihan dan program pendidikan untuk menambahkan pengambilan pelatih dari sektor swasta.

Selain daripada itu, Belanjawan juga memperuntukkan tambahan galakan cukai kepada institut latihan teknikal atau vokasional untuk mempertingkatkan kemudahan latihan. Institut teknikal dan vokasional adalah layak untuk memohon pengecualian daripada cukai import,

cukai jualan dan cukai eksais keatas bahan-bahan, mesin dan peralatan yang digunakan untuk latihan. Di samping itu, elaun cukai pelaburan sebanyak 100% bagi sepuluh tahun akan diberikan kepada syarikat yang menubuhkan institusi teknikal atau latihan vokasional mereka. Selain daripada itu, sumbangan oleh sektor swasta secara wang tunai atau peralatan kepada institut latihan teknikal dan vokasional Kerajaan atau separa Kerajaan juga layak memohon pengurangan cukai pendapatan.

Untuk mengatasi masalah kekurangan pelatih, dalam tahun 1995, Kerajaan telah meningkatkan pengambilan sebanyak 26.4% daripada 2,457 orang kepada 3,106 orang di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (PLPK). Sebagai satu langkah sementara, Kerajaan telah membenarkan kebanyakan kolej swasta khususnya yang menjalankan kursus bercorak kemahiran teknikal, mengambil pensyarah dari luar negeri seperti India, Pakistan dan United Kingdom. Pada tahun 1995 Kementerian Belia dan Sukan juga bercadang untuk menambah pengambilannya sebanyak kira-kira 3,422 orang pelatih berbanding dengan 2,752 orang pada tahun 1994 di tujuh buah Pusat Latihan Khusus.

Untuk membolehkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih aktif, Kerajaan telah melibatkan perwakilan swasta dalam Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) di bawah Kementerian Sumber Manusia. Objektif utama Majlis itu ialah untuk mengenalpasti keperluan-keperluan latihan dan kemahiran industri, memajukan piawaian kemahiran pekerjaan kebangsaan berasaskan kemahiran yang dikenalpasti dan melaksanakan program ujian perdagangan kebangsaan bagi tujuan pengiktirafan piawaian kemahiran tenaga kerja. Satu Sistem Maklumat Latihan Vokasional Berkomputer yang dikenali sebagai VOCATIONS telah dibentuk untuk mengumpul data mengenai penawaran dan permintaan terhadap kemahiran, tenaga kerja yang mempunyai kemahiran yang diiktiraf serta tenaga pengajar yang sedia ada untuk pembangunan kemahiran.

Pembinaan pusat latihan, seperti Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) merupakan contoh kerjasama di antara sektor swasta dan kerajaan negeri yang memberi tanah serta kemudahan yang diperlukan bagi institut latihan seperti ini. Kejayaan tersebut telah mendorong negeri-negeri lain seperti Perak dan Selangor melancarkan projek yang sama. Selain

daripada institusi-institusi tersebut, institusi latihan lain yang menyediakan pembangunan kemahiran peringkat tinggi adalah seperti Institut Jerman-Malaysia yang telah beroperasi, Institut Malaysian-Perancis yang kini di peringkat pembangunan dan Institut Teknikal Malaysian-Jepun yang akan ditubuhkan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Mengenai pengambilan pekerja asing, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing telah membentuk satu pasukan petugas di bawah Kementerian Dalam Negeri sebagai agensi setempat bertujuan untuk mengawal serta mengambil buruh asing. Mulai 2 Ogos 1995, agensi-agensi gunatenaga tidak lagi dibenarkan mengambil pekerja asing kecuali pembantu rumah dan pembantu kedai. Pasukan Petugas Buruh Asing ditugaskan mengambil alih peranan untuk mengawal dan mengambil pekerja asing untuk sektor perkilangan, perladangan dan pembinaan. Walau bagaimanapun, pengambilan terus adalah dibenarkan mengikut kes-kes tertentu dengan kebenaran daripada Pasukan Petugas. Sebagai langkah sementara untuk mengatasi masalah kekurangan buruh, Kerajaan bersetuju pada prinsipnya untuk melanjutkan pembaharuan permit kerja daripada tiga hingga lima tahun untuk pekerja asing di sektor pembinaan, perkilangan, hotel dan restoran.

Untuk menggunakan sumber manusia yang sedia ada, Kerajaan juga telah menggalakkan sektor swasta mengambil orang-orang cacat fizikal dan bekas penagih dadah. Pada tahun 1994, Kerajaan telah berjaya mendapatkan pekerjaan untuk 724 orang-orang cacat dan 1,338 bekas penagih dadah di sektor swasta.

Upah

Keketatan pasaran buruh yang berterusan mewujudkan tekanan yang menyebabkan kenaikan upah, manakala industri-industri bersaing antara satu dengan lain untuk mendapatkan tenaga kerja mahir dan separa mahir. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, data mengenai kajian di sektor perkilangan yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan menunjukkan peningkatan upah sebanyak 9.7% berbanding dengan 6.7% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Walau bagaimanapun, dalam sektor yang mempunyai kesatuan-kesatuan sekerja, purata kenaikan upah yang digambarkan dalam perjanjian upah bersama ialah 11.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama

1995, berbanding dengan 10% dalam tempoh yang sama tahun 1994 (kenaikan ini merangkumi 10% daripada jumlah pekerja kesatuan sekerja). Sektor-sektor perdagangan dan perkilangan menunjukkan peningkatan purata gaji masing-masing sebanyak 12.2% dan 11.8% berbanding dengan 8.7% dan 11.5% pada tahun 1994.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 lebih banyak bilangan perjanjian upah bersama diputuskan berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1994. Dalam tempoh ini, sebanyak 257 perjanjian upah bersama telah diputuskan yang melibatkan 79,302 pekerja berbanding dengan 197 melibatkan 54,592 pekerja yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1994, iaitu pertambahan sebanyak 30%. Sektor perkilangan mempunyai bilangan terbanyak persetujuan gaji bersama, diikuti oleh sektor perdagangan dan pengangkutan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.6.

Produktiviti buruh yang diukur berasaskan keluaran (output) bagi setiap pekerja masih ketinggalan berbanding dengan peningkatan gaji di sektor perkilangan. Dalam tempoh Januari-Julai 1995, sektor perkilangan mencatat perubahan produktiviti sebanyak 2.8% berbanding dengan 2.2% bagi tempoh yang sama tahun 1994. Ini menyebabkan peningkatan kos buruh seunit keluaran iaitu 6.8% dalam tempoh Januari-Julai 1995 berbanding dengan 4.4% dalam tempoh yang sama tahun 1994. Peningkatan kos buruh seunit keluaran yang berterusan akan meninggalkan kesan negatif ke atas daya saing Malaysia di samping menyebabkan tekanan inflasi dalam ekonomi negara. Ini menunjukkan perlunya diperkenalkan sistem upah fleksi (flexi-wage) di mana kenaikan upah dikaitkan dengan produktiviti. Bagi menggalakkan sektor swasta mengamalkan sistem upah fleksi, satu bengkel peringkat nasional mengenai 'Hubungan Upah Dengan Produktiviti' telah dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan pada bulan Disember 1994, yang telah dihadiri oleh para peserta dari sektor awam dan swasta.

Iklim hubungan industri yang agak harmoni digambarkan melalui pengurangan bilangan pertikaian perusahaan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, di mana sejumlah 302 kes melibatkan 24,794 pekerja berbanding dengan 323 kes melibatkan 57,390 pekerja pada tempoh yang sama tahun 1994. Daripada jumlah ini,

Jadual 8.6
Perjanjian Upah Sektor Swasta
(Januari-Julai)

Sektor	Bilangan Perjanjian Bersama		Bilangan Pekerja Terlibat		Purata Kenaikan Upah (%)	
	1994	1995	1994	1995	1994	1995
Perkilangan	115	134	23,759	37,667	11.5	11.8
Perdagangan	25	66	4,762	8,071	8.7	12.2
Pengangkutan	20	24	1,874	1,194	10.8	10.7
Perkhidmatan	26	20	23,606	31,008	10.0	10.2
Pertanian	7	8	412	125	11.6	9.1
Perlombongan	0	0	0	0	—	—
Pembinaan	1	1	162	1,237	—	16.3
Lain-lain	3	4	17	—	7.3	—
JUMLAH	197	257	54,592	79,302	10.0	11.7

Sumber: Kementerian Sumber Manusia
Nota : — menunjukkan ketiadaan data

kejadian pertikaian perusahaan adalah paling banyak di sektor perkilangan, yang mencatatkan sebanyak 96 kes (Januari-Julai 1994: 116), iaitu merupakan 32% dari jumlah pertikaian perusahaan yang dicatatkan dalam tempoh ini. Sebab-sebab utama menyebabkan pertikaian termasuklah tidak puas hati mengenai bonus dan elaun, kebuntuan dalam rundingan tawar menawar dan lain-lain bantahan terhadap syarat gunatenaga.

Sebanyak sembilan tunjuk perasaan dan mogok dicatatkan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995 berbanding dengan lapan kes dalam tempoh yang sama tahun lalu. Daripada jumlah ini sebanyak tujuh kes tunjuk perasaan dan mogok dicatatkan dalam sektor perkilangan dan satu kes masing-masing di sektor pertanian dan pembinaan. Sebab-sebab mogok terutamanya berpunca

daripada bantahan mengenai syarat-syarat perkhidmatan, kenaikan pangkat, penukaran dan lain-lain hal berhubung dengan penggunaan kuasa istemewa pihak pengurusan.

Kerajaan dalam keperihatinannya terhadap kemalangan industri yang semakin bertambah telah mengambil langkah meningkatkan penguatkuasaan Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 (AKKP) dan Akta Perkilangan dan Mesin 1967 bagi menjamin keselamatan pekerja di tempat bertugas. Majikan yang didapati melanggar akta-akta ini akan didakwa dalam Mahkamah Majistret. Bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 1995, sebanyak enam buah syarikat telah didakwa dan didenda berjumlah RM23,000 oleh Mahkamah bagi kesalahan yang disabitkan di bawah Akta tersebut (AKKP).